

02/03/1999

Internet siar keterangan cakap dengar

KUALA LUMPUR, Isnin - Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini bahawa keterangan yang tidak boleh disiarkan media seperti diperintah oleh hakim pada perbicaraan kes rasuah Datuk Seri Anwar Ibrahim, dikesan disiarkan menerusi Internet dan media tertentu.

Mohtar berkata, walaupun media utama tempatan mematuhi arahan mahkamah itu, larangan berkenaan tidak dipatuhi di Internet dan media lain.

Beliau memberi contoh pada 24 Februari lalu, sebuah artikel dikeluarkan dalam Internet yang menceritakan mengenai `perkara yang sudah dilarang disiarkan oleh Hakim Datuk S Augustine Paul di mahkamah."

Mohtar menyerahkan salinan artikel itu kepada mahkamah.

"Saya pasti perkara itu datang daripada lingkungan empat dinding ini (mahkamah)," katanya dan Paul mencelah: `Sudah pasti bukan daripada saya,' yang menyebabkan hadirin ketawa.

Paul menasihatkan Mohtar menyiasat bagaimana keterangan yang didengar di mahkamah boleh muncul di Internet dan Peguam Negara memberitahu mahkamah bahawa pihak pendakwa sudah melihat perkara itu secara serius.

Pada peringkat ini peguam bela Anwar, Gurbachan Singh memberi jaminan kepada mahkamah bahawa pihak pembela tidak ada kena mengena dengan pengedaran keterangan yang sudah dilarang disiarkan oleh mahkamah.

Mohtar memberitahu mahkamah mengenai artikel di Internet itu apabila Gurbachan mahu mengemukakan artikel yang ditulis seorang wartawan Bernama, E Sivabalan.

Pada perbicaraan hari ke-62 kes rasuah Datuk Seri Anwar Ibrahim itu, Mohtar berkata pendakwa tidak menghalang Gurbachan mengemukakan artikel itu, tetapi beliau mahu menarik perhatian mahkamah bahawa tiga suku daripadanya mempunyai kaitan dengan perintah mahkamah sebelum ini mengenai keterangan `dengar cakap'.

Terdahulu, Sivabalan yang dipanggil sebagai saksi pembela keempat, berkata berdasarkan sidang akhbar Perdana Menteri pada 24 Ogos 1997 di Shah Alam, beliau menulis sebuah artikel yang membebaskan Anwar daripada tuduhan-tuduhan itu.

Sivabalan bagaimanapun berkata beliau sudah tidak menyimpan lagi pita rakaman atau buku nota berhubung sidang akhbar itu.

Saksi pembela kelima, Ashraf Abdullah, seorang wartawan daripada akhbar New Straits Times (NST), yang menghadiri sidang akhbar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ashraf juga berkata beliau sudah membuang buku nota yang digunakan pada hari itu selepas menyimpannya selama tiga bulan.

"Begitu juga dengan pita rakaman saya berhubung sidang akhbar itu, saya tidak lagi mempunyainya kerana sudah menggunakan pita itu untuk tugas lain," katanya.

Gurbachan kemudian menyerahkan transkrip perbualan antara wartawan dan Perdana Menteri kepada mahkamah serta laporan akhbar berhubung sidang akhbar itu.

Wartawan akhbar NST, Saodah Elias yang juga dipanggil sebagai saksi pembela pula memberitahu mahkamah bahawa beliau menghadiri sidang akhbar Anwar di Shah Alam pada 25 Ogos 1997.

Menurutnya, keesokannya NST menyiarkan kenyataan Anwar mengenai tohmahan salah laku seks terhadapnya itu.

Sementara itu, seorang pesuruhjaya sumpah, Ngui Kee Heong, memberitahu mahkamah bahawa Azizan menemuinya untuk mengikrarkan membuat pengakuan

bersumpah.

Katanya, beliau tidak ingat ketika itu Azizan datang dengan siapa ke pejabatnya.

Menurutnya, tiada siapa yang memaksa atau memujuknya mengesahkan pengakuan bersumpah itu.

Menjawab pertanyaan, Ngui berkata, jika ada paksaan dalam melakukan pengakuan bersumpah, beliau akan membuat bantahan dan melaporkannya kepada pegawai atasan.

(END)